

DN 1.2: Memperkukuh Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK) Kepada Golongan OKU

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- PDK adalah program yang diwujudkan oleh Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- Ianya merupakan satu (1) strategi dalam pembangunan komuniti setempat bagi pemulihan, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial orang kurang upaya (OKU).
- PDK dilaksanakan melalui usaha bersepadu OKU, keluarga, komuniti dan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial yang bersesuaian.
- Program ini dikendalikan di seluruh negara dengan penglibatan aktif komuniti sama ada di pusat PDK atau di rumah.

Komponen Cadangan:

- Pengukuhan program PDK dapat dilihat sebagai satu (1) kebaikan kepada masyarakat desa.
- Peranan program PDK boleh membantu dari segi aspek pembangunan sosial dan ekonomi kumpulan sasaran.
- Galakan penglibatan masyarakat tempatan memainkan peranan penting dalam membantu menjayakan program ini.

Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam dan swasta serta masyarakat desa.

Faedah Program PKD:

- Memberi latihan dan pemulihan yang bersesuaian mengikut keperluan dan jenis kecacatan.
- Memupuk sikap lebih berdikari di kalangan OKU, warga emas dan ibu tunggal.
- Hubungan dan sokongan antara OKU dan keluarga dapat dipupuk dan diperkukuhkan.



GOLONGAN OKU
0.75% Johor Tengah

3,083 Orang

600 Orang

313 Orang

BATU PAHAT

KLUANG

MERSING

Sumber : Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2 : Johor Tengah), 2020

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan pengukuhan terhadap pusat PDK sedia ada di setiap daerah iaitu:

Daerah	Pusat PDK
Batu Pahat	<ul style="list-style-type: none"> • PDK Dun Parit Raja • PDK Dun Penggaram • PDK Dun PT Yaani • PDK Dun Rengit • PDK Dun Semerah • PDK Dun Senggarang • PDK Sri Sulong
Kluang	<ul style="list-style-type: none"> • PDK 7 Brigid • PDK Dun Mahkota • PDK Ehsan • PDK Gugusan Kahang • PDK Pekan Kahang • PDK Sri Gemilang • PDK Suria Impian • PDK Yaqeen Dun Paloh
Mersing	<ul style="list-style-type: none"> • PDK Jambangan • PDK Nur Kasih • PDK Seri Endau • PDK Sinar • PDK Suria • PDK Tenglu
Jumlah	22

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021


AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • KPWKM • JPCK • Jabatan Kebajikan Masyarakat 	<ul style="list-style-type: none"> • KPWKM • JPCK

ANGGARAN KOS

- Naik Taraf Sedia Ada = RM 50,000 ribu x 22 = RM 1,100,000.

FASA PELAKSANAAN




Justifikasi Cadangan

Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK) atau *Community based Rehabilitation* (CBR) telah diperkenalkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) dan dimulakan di Malaysia oleh WHO sejak tahun 1980-an. Program PDK merupakan satu strategi pembangunan komuniti dalam rehabilitasi OKU, penyamaan peluang dan integrasi sosial OKU. Program PDK dilaksanakan melalui penglibatan aktif OKU, keluarga dan masyarakat setempat dengan disokong oleh perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial serta menggunakan sumber tempatan.

Program ini merupakan satu usaha yang sangat positif untuk dipertingkatkan. Antara penambahbaikan yang disyorkan dalam kajian Pelan Hala Tuju Strategik Desa untuk program PDK ini adalah dengan pengukuhan infrastruktur dan kemudahan sedia ada untuk kegunaan penghuni.



Rajah 6.2: Strategi Pelaksanaan bagi Pengukuhan Program PDK



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020



Foto: Aktiviti Sosial Bagi Tujuan Pemulihan dan Rawatan Golongan OKU
Sumber: Portal Rasmi Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), 2022